



Anwar pada majlis pecah tanah Residensi Suria MADANI, sambil diperhatikan Dr Zaliha, Kor Ming, Teresa dan Samsul Azri di Taman Desa, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

# Projek perumahan MADANIutamakan kualiti, keselesaan

Pemaju perlu sedia kemudahan asas lengkap, kawasan hijau untuk kemudahan penduduk

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menetapkan syarat pembinaan projek perumahan baharu MADANI perlu mengutamakan aspek keselesaan hidup, kehijauan kawasan, kemudahan rekreasi dan kemudahan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan kemudahan rakyat termasuk gerai MADANI perlu diberi penekanan dalam pembinaan projek perumahan baharu.

"Setiap rumah berpendapatan rendah mahupun sederhana mesti diberikan sedikit keselesaan...ada taman, kalau tak besarpun yang kecil, kena ada padang permainan untuk tempat hidup keluarga dan anak.

"Mana mungkin duduk rumah pangsa, turun dan bila nak main tu di tepi jalan. Jadi, kena ada sedikit kawasan hijau, ada dewan, ada surau dan kawasan luas mesti ada masjid dan rumah ibadat.

"Ini semua syarat yang kita tetapkan sebagai syarat yang harus diberikan (oleh pemaju)," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah Residensi Suria MADANI di Taman Desa di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar berkata, ruang niaga MADANI juga mesti disediakan dengan lebih sederhana, sesuai dengan keperluan dan kemampuan penduduk setempat, dengan mempunyai segala utiliti untuk menjalankan perniagaan.

"Orang boleh capai dan janji tapi ukurannya adalah kepada pelaksanaan. Sebab itu perumahan Suria MADANI ini kalau boleh kita jadikan contoh kelulusan yang cepat, keselesaan dan kemudahannya yang ada," katanya.

## Kemajuan projek dibentang

Perdana Menteri berkata, beliau juga mahu kemajuan setiap projek di ibu kota dibentangkan secara berkala kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agar segala proses mengikut jadual ditetapkan.

"Jangan pandang ringan. Saya mahu rekod bila dibentangkan laporan dan usul kepada DBKL nanti bila mesyuarat pertama diadakan, berapa puluh jabatan

yang perlu diteliti dan berapa cepat kelulusan itu diberikan.

"Ini harus terpakai pada semua projek akan datang. Kalau tidak memenuhi syarat, laporan juruteknik ada alasan ditangguhkan, tapi penangguhan itu harus diberi tempoh. Kalau tiada alasan, maka tiada sebab lewat, terutama projek rakyat ini," katanya.

Pada masa sama, Anwar menyelar sikap beberapa pihak yang membantah pembinaan projek perumahan rakyat bagi B40 dan M40 di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak pernah menghalang pembangunan di mana-mana kawasan mewah, namun kepentingan majoriti rakyat tidak boleh diabaikan.

Katanya, majoriti rakyat di Kuala Lumpur adalah kumpulan M40 dan B40.

"Kehebatan mana-mana kota tidak hanya ditandai oleh mercu tanda yang hebat atau bangunan pencakar langit tetapi juga keselesaan kepada rakyat.

"Tiap kali kita buat perumahan rakyat, ada saja bantahan, termasuk di Taman Desa ini, kawan-kawan saya ada teks, dia kata ganggu, macam mana dengan kebersihan," katanya.

Sebanyak 800 unit Residensi MADANI akan dibina syarikat pemaju Mah Sing Group Bhd (Mah Sing) di atas tanah berkeluasan 0.99 hektar, membabitkan pembinaan satu blok bangunan dengan rumah berkeluasan 800 kaki persegi akan dijual pada harga RM200,000.